

Nilai-nilai etika tertentu perlu disebar

U.M. 29 JUL 1993

Ⓟ

KUALA LUMPUR 28 Julai.— Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, malam ini berkata, rakyat negara ini perlu mempelajari, diajar dan disebar nilai-nilai etika yang baik sekiranya mahukan negara ini terus makmur.

Beliau berkata, di manapun seseorang itu berada, nilai itu perlu disebar dengan lebih meluas terutama di kalangan mereka yang terlibat dalam pembangunan negara iaitu para eksekutif dalam kerajaan dan juga di sektor swasta.

"Apa yang kita perlukan ialah satu set nilai-nilai baik yang diterima manu-

sia sejagat seperti tekun, jujur, bersabar, disiplin, gigih, dedikasi, tabah dan teliti.

"Terdapat terlalu banyak nilai seperti ini sehingga ia tidak mungkin bagi seseorang memiliki semuanya," katanya di Majlis Makan Malam Kelab Harvard di Hotel Shangri-La di sini.

Di majlis itu juga, Perdana Menteri telah melancarkan buku *The Best of Harvard Club of Malaysia Speeches* yang mengandungi pelbagai ucapan tokoh-tokoh negara di beberapa majlis anjuran kelab itu.

Beliau berkata, nilai-nilai etika perlu disebar dan secara berpillih-

pilih di kalangan kumpulan kritikal seperti para pengurus, eksekutif dan profesional tertentu yang diharapkan dapat memainkan peranan utama dalam pembangunan negara.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid yang juga Presiden Kelab Harvard Malaysia mengumumkan Timbalan Presiden Kelab itu, Tan Sri Dr. Lin See Yang telah dilantik menganggotai Majlis Craduan-Graduan Harvard.

Beliau berkata, perlantikan Dr. Lin adalah yang pertama bagi rakyat di rantau ini menganggotai majlis itu yang terdiri daripada 35 ahli.